

**Penduduk Kudat Diminta Tidak Sia-Siakan Nikmat Pembangunan Pemberian Kerajaan BN**  
**Bernama**  
**12 Disember, 2012**

KUDAT, 12 Dis (Bernama) -- Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Abdul Rahim Bakri meminta penduduk di kawasan Parlimen Kudat supaya tidak mensia-siakan perhatian yang diberi oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) selama ini kepada mereka melalui dasar yang adil tanpa mengira kaum dan latar belakang agama.

Beliau berkata kemajuan fizikal yang dilaksanakan di kawasan Parlimen itu sejak BN mengambil alih kerajaan Sabah hampir dua dekad yang lalu adalah sukar untuk sesiapa menafikannya.

Katanya ini termasuk kemudahan infrastruktur seperti menyelesaikan masalah bekalan air melalui projek empangan Milau, projek sistem grid bekalan elektrik melebar ke kawasan luar bandar, projek jalan raya Pitas-Kanibongan dan Sandakan, hospital Pitas dan lingkaran jalan raya berturap Pulau Banggi.

Selain itu, katanya penyediaan dan penyiapan projek perumahan rakyat, perkhidmatan telekomunikasi yang meluas, pembinaan banyak kemudahan bangunan sekolah yang selesa dan pelbagai projek ekonomi rakyat seperti Projek Agropolitan Pulau Banggi dan Semenanjung Bengkoka bagi meningkatkan pendapatan adalah bukti jelas kejayaan yang dibawa kerajaan BN dalam memajukan rakyat di kawasan Parlimen Kudat.

Bercakap kepada pemberita selepas melakukan lawatan ke Hospital Kudat untuk meninjau pesakit dan menghulur bantuan hari ini, beliau meminta rakyat di kawasan itu supaya tidak terpengaruh dengan janji manis dan putar belit pembangkang.

Katanya rakyat harus memberi kepercayaan kepada kerajaan sedia ada pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kerana apa yang diperlukan ialah kesinambungan untuk rakyat maju ke hadapan dan melakukan transformasi secara tertib.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=914798>